



SERAH...Yee (kanan) dan Cheng menyerahkan cek kepada Amrin (dua dari kiri) dan Anthony, semalam.

Kutipan terus meningkat

Pada majlis itu, RHB yang diwakili Pengarah Kumpulan Urusan, Datuk Tajuddin Atan menyampaikan replika cek kepada Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Datuk Anthony Firdauz Bujang disaksikan Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Zainul Ariffin Mohammed Isa.

Berjaya Corporation diwakili Pengarah Eksekutifnya, Vivienne Cheng dan Ireka oleh Pengurus Besar Kumpulannya, Leonard Yee yang menyampaikan cek kepada Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Amrin Awaluddin.

Menurut Tajuddin, apa yang dilakukan atas rasa kemanusiaan dan ia satu inisiatif bagi membantu golongan lebih memerlukan dalam kesusahan.

"Diharap sumbangan diberi dapat mengurangkan penderitaan mereka dalam menghadapi situasi mencemaskan itu," katanya.

Terkini, jumlah kutipan tabung bencana NSTP mencecah RM1,203,410.98.

KUALA LUMPUR: Tabung Bencana The New Straits Times Press (NSTP)-Media Prima terus mendapat perhatian beberapa syarikat dan individu apabila jumlah kutipan semakin meningkat.

Terbaru, Kumpulan RHB Bank dan Berjaya Corporation Berhad menyumbang RM100,000 diikuti Ireka Corporation Berhad RM15,000 serta Datuk Siew Kar Wei Who yang menyumbang RM10,000.